



**SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**PROGRAM SISTEM INSURAN PEKERJAAN ELAUN MENCARI PEKERJAAN +**  
**(SIP EMP+) KEPADA BUKAN PENCARUM PERKESO**  
**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)**  
**BIL.1/2021**

1. **Apakah yang dimaksudkan dengan program SIP EMP+ kepada bukan pencarum?**
  - Seperti yang diumumkan dalam Bajet 2022 oleh Kementerian Kewangan, Program SIP Elaun Mencari Pekerjaan+ (SIP EMP+) kepada bukan pencarum ini merupakan penambahbaikan kepada Program SIP PRIHATIN 2.0 yang akan berakhir pada 31 Disember 2021.
  - SIP EMP+ kepada bukan pencarum ini adalah bantuan kewangan diberikan kepada individu bukan pencarum PERKESO terutamanya graduan baharu, lepasan sekolah dan pekerja sektor tidak formal yang terkesan akibat krisis wabak COVID 19 bagi meneruskan kelangsungan hidup semasa mencari peluang pekerjaan baharu.
  - Bantuan SIP EMP+ kepada bukan pencarum ini mengandungi insentif Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) yang diterima apabila individu yang layak menghadiri temuduga dan Elaun Persediaan Bekerja (EPB) sekiranya telah kembali bekerja.

- 2. Bilakah tarikh kuatkuasa bantuan SIP EMP+ kepada bukan pencarum?**
- Tarikh kuatkuasa membuat permohonan bantuan SIP EMP+ kepada bukan pencarum adalah bermula pada **1 Januari 2022**.
  - Tarikh tutup membuat permohonan adalah pada **31 Disember 2022**.
- 3. Adakah pencarum PERKESO yang sedang atau telah menerima faedah di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 dan bantuan kewangan di bawah program kerajaan yang dikendalikan oleh Pejabat SIP layak menerima bantuan SIP EMP+ kepada bukan pencarum ini?**
- Tidak. Individu yang telah mendapat bantuan di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 atau mana – mana bantuan yang lain seperti JaminKerja - Insentif Penggajian (JKIP) dan SIP EMP+ kepada pencarum tidak layak mendapat bantuan ini.
  - **Walau bagaimanapun, penerima bantuan SIP PRIHATIN 2.0 di bawah Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) masih layak untuk memohon bantuan SIP EMP+ ini dengan syarat pemohon masih belum mendapat penempatan pekerjaan selepas enam puluh (60) hari dari tarikh tamat tempoh bantuan SIP PRIHATIN 2.0.**
- 4. Berapa lamakah tempoh bantuan SIP EMP+ kepada bukan pencarum ini dan jumlah bayaran yang layak diterima?**
- Tempoh aktiviti pencarian pekerjaan adalah selama 4 bulan yang bermula sebaik sahaja permohonan dikemukakan.

- Permohonan yang diluluskan adalah layak untuk menerima bantuan kewangan EMP yang berjumlah RM 300 sebulan untuk tempoh 3 bulan sahaja.
  - Bayaran keempat bagi EPB akan dilaksanakan sekiranya pemohon telah berjaya ditempatkan ke dalam pekerjaan dalam tempoh 4 bulan daripada tarikh permohonan dikemukakan.
  - Sebagai contoh, sekiranya beliau telah mendapat pekerjaan baharu semasa menerima EMP yang pertama, kedua atau ketiga, maka bayaran tambahan EPB sebanyak RM 400 akan dibayar terus pada bulan yang sama.
  - Sekiranya individu itu mendapat kelulusan pertama pada 2 Januari 2022 dan menerima tawaran pekerjaan pada 2 Julai 2022, individu tersebut adalah tidak layak untuk menerima bantuan tambahan EPB kerana penempatan pekerjaan tersebut berlaku di luar tempoh penilaian aktiviti pekerjaan iaitu 4 bulan yang telah ditetapkan.
- 5. Bilakah tarikh akhir permohonan bagi bantuan SIP EMP+ kepada bukan pencarum ini?**
- Individu diberi tempoh masa sehingga 31 Disember 2022 untuk mengemukakan permohonan.
- 6. Siapakah yang LAYAK memohon bantuan SIP EMP+ kepada bukan pencarum ini?**
- Individu yang belum berdaftar atau tidak aktif mencarum dengan PERKESO selepas **1 Jun 2021**.
  - Individu yang berumur 18 tahun dan tidak melebihi 60 tahun pada tarikh permohonan.

- Individu yang memenuhi syarat kelayakan seperti **di Jadual 2.**
- 7. Adakah aktiviti temuduga dan pengemaskinian status mendapat pekerjaan baharu yang diisytihar di Portal MYFuturejobs mulai 1 Januari 2022 boleh diambil kira bagi kelayakan penerimaan bantuan SIP EMP+ kepada bukan pencarum ini?**
- Ya. Aktiviti temuduga dan pengemaskinian status mendapat pekerjaan baharu yang diisytihar di Portal MYFuturejobs mulai 1 Januari 2022 boleh diambil kira bagi kelayakan bilangan aktiviti temuduga.
  - Contoh 1: Sekiranya En. Faris telah menghadiri 5 temuduga bermula 1 Januari 2022 tetapi membuat permohonan SIP EMP+ kepada bukan pencarum ini pada 1 Mei 2022, maka bilangan temuduga tersebut boleh diambil kira dalam penentuan kelayakan bantuan SIP EMP+.
  - Contoh 2: Pn. Farisya telah menghadiri 5 temuduga bermula 1 Januari 2022 dan telah menerima tawaran pekerjaan pada 3 Mac 2022. Walau bagaimanapun, beliau membuat permohonan SIP EMP+ Kepada Bukan Pencarum ini pada 1 Mei 2022, maka beliau layak menerima EPB berjumlah RM 400.
- 8. Apakah dokumen yang diperlukan bagi permohonan bantuan SIP EMP+ kepada bukan pencarum ini?**
- Dokumen yang diperlukan untuk membuat permohonan adalah –
    - i. Salinan Kad Pengenalan Pemohon
    - ii. Salinan Penyata Nombor Akaun Bank Pemohon Sendiri (bukan akaun Bersama)

- iii. Bukti menghadiri 2 kali temuduga dalam tempoh setiap EMP, sekiranya ia merupakan bukan anjuran PERKESO dan perlu pengesahan daripada majikan yang menganjurkan temuduga.
- iv. Pengemaskinian aktiviti temuduga di Log Aktiviti Portal MYFutureJobs (Rujuk Jadual 3)

**9. Bagaimanakah kaedah pembayaran bantuan SIP EMP+ kepada bukan pencarum ini dilakukan?**

- Pembayaran EMP kali yang pertama akan dilakukan dalam tempoh 14 - 30 hari selepas tuntutan diluluskan dan akan dikreditkan terus ke dalam akaun pemohon secara Electronic Fund Transfer (EFT).
- **Pembayaran EMP seterusnya akan dibuat secara bulanan selepas tarikh kelulusan EMP kali pertama. Pembayaran EMP akan terhenti sekiranya pembayaran EPB telah dibuat.**

**10. Bagaimanakah cara membuat semakan status permohonan?**

- Semakan boleh dibuat melalui aplikasi PRIHATIN PERKESO.

**11. Adakah individu tersebut perlu melaporkan kepada PERKESO sekiranya mendapat tawaran pekerjaan baharu?**

- Ya. Individu tersebut hendaklah melaporkan dan mengemaskini tarikh kembali bekerja di Aplikasi Prihatin PERKESO sekiranya telah mendapat tawaran pekerjaan dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan tawaran tersebut sekiranya beliau ingin mendapat bayaran EPB.

**12. Adakah faedah EMP akan diberhentikan sekiranya tawaran pekerjaan telah ditolak?**

- Individu boleh menolak tawaran pekerjaan jika mempunyai alasan yang munasabah bagi penolakan tersebut. Pengemaskinian penolakan harus dilakukan di Aplikasi Prihatin PERKESO.
- Sekiranya PERKESO tidak berpuas hati dengan alasan yang diberi, PERKESO berhak untuk menamatkan bantuan SIP EMP+ ini.

**13. Adakah individu layak membuat rayuan sekiranya permohonan SIP EMP+ kepada bukan pencarum ini ditolak oleh PERKESO?**

- Boleh. Rayuan boleh dikemukakan kepada melalui Portal eAduanSIP ( <https://eaduansip.perkeso.gov.my/> ).

**14. Adakah individu yang sedang menerima faedah SIP EMP+ kepada bukan pencarum ini perlu mengemukakan permohonan bagi bulan seterusnya?**

- Tidak, individu hanya dikehendaki mengemaskini log aktiviti melalui Portal MYFuturejobs bagi setiap aktiviti temuduga yang dihadiri.

**15. Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh individu yang di isytiharkan mufliis atau mempunyai akaun bank yang dibekukan bagi membolehkan mendapat pembayaran SIP EMP+ kepada bukan pencarum ini?**

- Individu yang telah diisytiharkan mufliis atau mempunyai akaun bank yang dibekukan hendaklah mendapatkan pelepasan dari Jabatan Insolvensi Malaysia / bank berkenaan bagi pengaktifan semula akaun bank.

16. Bagaimanakah individu membuat permohonan **SIP EMP+ kepada bukan pencarum ini?**

- Individu yang layak boleh memuat turun Aplikasi Prihatin PERKESO melalui *PlayStore* sekiranya menggunakan peranti android atau *AppStore* bagi pengguna peranti iOS.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pegawai Perkhidmatan Pelanggan PERKESO di talian 1-300-22-8000.

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)**

**15 DISEMBER 2021**

**JADUAL 1 – INSENTIF PROGRAM SIP EMP+ KEPADA BUKAN PENCARUM**

<b>AKTIVITI PENCARIAN PEKERJAAN</b>	<b>JUMLAH CARIAN SETIAP BULAN</b>	<b>JUMLAH ELAUN MENCARI PEKERJAAN</b>
Menghadiri temuduga terbuka (fizikal atau dalam talian)	Minima 3 sesi temuduga untuk setiap bayaran EMP mulai 1 Januari 2022	RM 300 sebulan
Menghadiri temuduga terbuka (fizikal atau dalam talian)	Menghadiri 3 sesi temuduga bagi bayaran EMP bulan seterusnya	RM 300 sebulan
Mendapat pekerjaan dalam tempoh menerima insentif pada bulan pertama	Menghadiri sekurang-kurangnya satu (1) temuduga dalam tempoh menerima EMP	RM 300 dan juga RM 400 (secara <i>one off</i> )
Mendapat pekerjaan dalam tempoh menerima insentif pada bulan kedua	Menghadiri sekurang-kurangnya empat (4) temuduga dalam tempoh menerima EMP	RM 300 (bulan pertama) RM 300 (bulan kedua) RM 400 (secara <i>one off</i> )
Mendapat pekerjaan selepas tempoh menerima insentif pada bulan keempat	Menghadiri sekurang-kurangnya tujuh (7) temuduga dalam tempoh menerima EMP	RM 300 (bulan pertama) RM 300 (bulan kedua) RM 300 (bulan ketiga) RM 400 (bulan <i>one off</i> )
Mendapat pekerjaan selepas tempoh menerima insentif pada bulan kelima	Menghadiri sekurang-kurangnya sembilan (9) temuduga dalam tempoh menerima EMP	RM 300 (bulan pertama) RM 300 (bulan kedua) RM 300 (bulan ketiga)
Mendapat pekerjaan sebelum tarikh permohonan	Menghadiri satu (1) atau lebih temuduga dan mendapat penempatan pekerjaan baharu sebelum tarikh permohonan	RM 400 (secara <i>one off</i> )



**JADUAL 2 – SYARAT TAMBAHAN SIP EMP+ KEPADA BUKAN PENCARUM**

SYARAT TAMBAHAN SIP EMP+ KEPADA BUKAN PENCARUM	
<b>Kelayakan Permohonan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Setiap pemohon adalah wajib berdaftar, melengkapkan profil dan aktif membuat aktiviti pencarian di Portal MYFuturejobs mulai 1 Januari 2022.</li> <li>● Pemohon perlu menghadiri aktiviti temuduga sekurang-kurangnya tiga (3) kali sebulan melalui;               <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Program temuduga terbuka anjuran PERKESO adalah diutamakan. Maklumat temuduga boleh diperolehi melalui capaian <a href="https://www.myfuturejobs.gov.my/news-events">https://www.myfuturejobs.gov.my/news-events</a> atau;</li> <li>ii) bersama anjuran majikan berdaftar dan yang telah mengiklankan jawatan di Portal MYFutureJobs atau;</li> <li>iii) anjuran luar dan disahkan oleh majikan/agensi pekerjaan swasta</li> </ul> </li> </ul>
<b>Jenis Temuduga</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pemohon perlu menghadiri sesi temuduga bersama tiga (3) majikan berbeza dalam tempoh masa yang sama atau hari yang berlainan</li> <li>● Pemohon menghadiri mana-mana temuduga yang diaturkan oleh majikan yang telah berdaftar di Portal MyFuturejobs.</li> <li>● Pemohon menghadiri mana-mana temuduga yang setara dengan kelayakan atau bersesuaian dengan pengalaman.</li> </ul>
<b>Tempoh Bayaran Insentif</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Tempoh pembayaran EMP adalah secara bulanan (30 hari)</li> <li>● EPB akan dibayar bersama EMP sekiranya telah mendapat tawaran pekerjaan baharu.</li> </ul>
<b>Tatacara Permohonan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pemohon wajib berdaftar sebagai pencari kerja dan melengkapkan profil di Portal MYFutureJobs melalui capaian <a href="http://www.myfuturejobs.gov.my">www.myfuturejobs.gov.my</a></li> <li>● Pemohon juga hendaklah berdaftar di aplikasi PRIHATIN PERKESO bagi tujuan pembayaran elaun</li> <li>● Pemohon perlu mengemaskini aktiviti log bagi setiap temuduga yang dihadiri melalui MYFuturejobs mengikut syarat yang telah ditetapkan</li> <li>● Sekiranya pemohon mendapat pekerjaan baharu, pemohon hendaklah mengemaskini di Portal MYFutureJobs dengan memuat naik dokumen sokongan (surat tawaran) bagi tujuan pembayaran EPB.</li> </ul>
<b>Semakan Permohonan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pemohon boleh menyemak status permohonan melalui aplikasi Prihatin PERKESO</li> </ul>

**JADUAL 3 – TATACARA PERMOHONAN SIP EMP+ KEPADA BUKAN PENCARUM**

